



29 Julai 2016
29 July 2016
P.U. (A) 216

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (AKAUN SIMPANAN SHARIAH) 2016

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND
(SIMPANAN SHARIAH ACCOUNT) RULES 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991
KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(AKAUN SIMPANAN SHARIAH) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 73(*da*) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Akaun Simpanan Syariah) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2016.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akaun Simpanan Syariah” ertinya akaun ahli Kumpulan Wang yang diuruskan mengikut Syariah menurut seksyen 43A Akta;

“Jawatankuasa Penasihat Syariah” ertinya Jawatankuasa Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 23A Akta;

“pemilihan” ertinya pemilihan untuk akaun seorang ahli Kumpulan Wang diuruskan mengikut Syariah di bawah subseksyen 43A(1) Akta.

Pewujudan rangka kerja patuh Syariah

3. Akaun Simpanan Syariah hendaklah diuruskan mengikut rangka kerja patuh Syariah berkenaan dengan operasi dan pelaburan akaun Simpanan Syariah yang diwujudkan oleh Lembaga seperti yang berikut:

- (a) penjalanan kajian Syariah dan pemberian nasihat Syariah;
- (b) pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah bagi maksud mengurangkan apa-apa kemungkinan berlakunya ketidakpatuhan Syariah;
- (c) pemantauan dan semakan pematuhan Syariah bagi maksud penilaian berterusan ke atas tahap pematuhan Syariah; dan
- (d) pengauditan Syariah bagi maksud penilaian berkala bebas dan jaminan objektif ke atas tahap pematuhan Syariah.

Terma dan syarat pemilihan

4. Pemilihan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:

- (a) ahli Kumpulan Wang bersetuju untuk melantik Lembaga sebagai ejen dan pemegang amanah untuk menguruskan dan melaburkan kesemua amaun yang ada pada kredit akaunnya mengikut Syariah;
- (b) ahli Kumpulan Wang itu menandatangani akad iaitu dokumen yang menyatakan persetujuannya bagi akaunnya diuruskan oleh Lembaga berdasarkan konsep *wakalah*; dan
- (c) kesemua amaun yang ada pada kredit akaun ahli Kumpulan Wang itu hendaklah mula diuruskan mengikut Syariah pada tarikh kuat kuasa pemilihan.

Tatacara pemilihan

5. (1) Mana-mana ahli Kumpulan Wang yang berniat untuk membuat pemilihan hendaklah hadir di mana-mana pejabat Lembaga atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga untuk membuat pemilihan.

(2) Apabila membuat pemilihan di bawah subkaedah (1), ahli Kumpulan Wang itu hendaklah mengemukakan dokumen pengenالannya.

Pembatalan pemilihan

6. (1) Tertakluk kepada subseksyen 43A(4) Akta, seorang ahli Kumpulan Wang yang berniat untuk membatalkan pemilihannya hendaklah hadir di mana-mana pejabat Lembaga atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga untuk membuat pembatalan pemilihan itu.

(2) Apabila membuat pembatalan pemilihan di bawah subkaedah (1), ahli Kumpulan Wang itu hendaklah mengemukakan dokumen pengenalannya.

(3) Pembatalan pemilihan di bawah subkaedah (1) mula berkuat kuasa sebaik selepas notis pembatalan yang ditandatangani oleh ahli Kumpulan Wang diterima oleh Lembaga, tanpa menjejaskan hak ahli Kumpulan Wang itu untuk membuat pemilihan baharu.

Pelaburan di bawah seksyen 29A Akta

7. (1) Seorang ahli Kumpulan Wang yang pemilihannya telah berkuat kuasa yang berniat untuk membuat pelaburan di bawah seksyen 29A Akta hendaklah membuat pelaburan hanya dalam pelaburan patuh Syariah mengikut garis panduan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah.

(2) Suatu pelaburan yang dibuat oleh ahli Kumpulan Wang di bawah seksyen 29A Akta sebelum tarikh kuat kuasa pemilihan tidak diwajibkan untuk ditukar kepada pelaburan patuh Syariah, atau dicairkan atau ditebus.

Dividen bagi pembayaran caruman lewat, dsb.

8. (1) Sekiranya berlaku pembayaran caruman lewat oleh seseorang majikan dalam mana-mana tahun kewangan berkenaan dengan akaun Simpanan Syariah, dividen yang kena dikreditkan ke atas caruman itu hendaklah berdasarkan pada—

(a) dividen yang diisytiharkan oleh Lembaga di bawah perenggan 27(1)(b) Akta bagi tahun kewangan caruman itu tertunggak; atau

(b) jika tiada dividen diisytiharkan oleh Lembaga di bawah perenggan 27(1)(b) Akta bagi tahun kewangan caruman itu tertunggak, apa-apa dividen yang diisytiharkan oleh Lembaga bagi tahun kewangan caruman itu tertunggak.

(2) Dalam apa-apa keadaan yang membawa kepada penyelarasan, pelarasan atau pengembalian caruman berkenaan dengan akaun Simpanan Shariah, dividen yang kena dikreditkan ke atas caruman itu hendaklah berdasarkan pada—

(a) dividen yang diisytiharkan oleh Lembaga di bawah perenggan 27(1)(b) Akta bagi setiap tahun sepanjang tempoh penyelarasan atau pelarasan caruman itu kena dibuat sehingga penyelarasan atau pelarasan caruman itu dibuat atau bagi setiap tahun sepanjang tempoh pengembalian caruman itu kena dibayar sehingga pengembalian caruman itu dibayar; atau

(b) jika tiada dividen yang diisytiharkan oleh Lembaga di bawah perenggan 27(1)(b) Akta bagi mana-mana tahun sepanjang tempoh penyelarasan atau pelarasan caruman itu dibuat atau pengembalian caruman itu dibayar, apa-apa dividen yang diisytiharkan oleh Lembaga bagi setiap tahun sepanjang tempoh penyelarasan atau pelarasan caruman itu kena dibuat sehingga penyelarasan atau pelarasan caruman itu dibuat atau bagi setiap tahun sepanjang tempoh pengembalian caruman itu kena dibayar sehingga pengembalian caruman itu dibayar.

Penyatuan akaun

9. (1) Selepas pemilihan di bawah subseksyen 43A(1) Akta dibuat oleh ahli Kumpulan Wang dan didapati bahawa ahli Kumpulan Wang itu mempunyai lebih daripada satu akaun dengan Kumpulan Wang, semua akaunnya hendaklah disatukan.

(2) Jika penyatuan akaun di bawah subkaedah (1) dilaksanakan—

- (a) sebelum atau pada tarikh kuat kuasa pemilihan, akaun yang disatukan itu hendaklah menjadi akaun Simpanan Syariah pada tarikh kuat kuasa pemilihan; atau
- (b) selepas tarikh kuat kuasa pemilihan, akaun yang disatukan itu hendaklah menjadi akaun Simpanan Syariah sebaik selepas penyatuan itu.

Pendapatan tidak patuh Syariah

10. Jika Jawatankuasa Penasihat Syariah menentukan bahawa mana-mana pendapatan yang diperoleh oleh Lembaga akibat daripada mana-mana transaksi operasi dan pelaburan akaun Simpanan Syariah merupakan pendapatan tidak patuh Syariah atas sebab-sebab tertentu, pendapatan itu hendaklah dibelanjakan oleh Lembaga bagi maksud sebagaimana yang dinasihatkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah

Akses kepada maklumat dan dokumen

11. (1) Dalam menunaikan fungsinya di bawah seksyen 23B Akta, Jawatankuasa Penasihat Syariah hendaklah mempunyai akses kepada segala maklumat dan dokumen yang dikehendaki untuk menjalankan kewajipan dan tanggungjawabnya di bawah Akta.

(2) Jawatankuasa Penasihat Syariah hendaklah melindungi kerahsiaan maklumat dan dokumen itu dan bagi maksud yang baginya maklumat dan dokumen itu boleh digunakan.

Laporan patuh Syariah

12. Bagi laporan tahunan Kumpulan Wang, apa-apa laporan patuh Syariah berhubung dengan pengurusan akaun Simpanan Syariah hendaklah ditentukan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah.

Dibuat 28 Julai 2016

[KWSP/JUU/003/210 VOL. 4; KK/SID/(S)/9/419/379/23/1 Jld.38; PN(PU2)498/X]

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Pengerusi
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (SIMPANAN SHARIAH ACCOUNT) RULES 2016

IN exercise of the powers conferred by paragraph 73(*da*) of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Simpanan Shariah Account) Rules 2016**.

(2) These Rules come into operation on 1 August 2016.

Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“Simpanan Shariah account” means the account of a member of the Fund which is managed according to Shariah pursuant to section 43A of the Act;

“Shariah Advisory Committee” means the Shariah Advisory Committee established under section 23A of the Act;

“election” means the election for an account of a member of the Fund to be managed according to Shariah under subsection 43A(1) of the Act.

Establishment of Shariah compliance framework

3. The Simpanan Shariah account shall be managed in accordance with the Shariah compliance framework in respect of the operation and investment of the Simpanan Shariah account established by the Board as follows:

(*a*) the conduct of Shariah research and provision of Shariah advice;

(*b*) the management of Shariah non-compliant risk for the purpose of mitigating any possible Shariah non-compliance;

- (c) the Shariah compliance monitoring and review for the purpose of continuous assessment on the degree of Shariah compliance; and
- (d) the Shariah auditing for the purpose of independent periodical assessment and objective assurance on the degree of Shariah compliance.

Terms and conditions for election

4. The election is subject to the following terms and conditions:

- (a) the member of the Fund agrees to appoint the Board as the agent and trustee to manage and invest all amount standing to the credit of his account according to Shariah;
- (b) the member of the Fund signs the *akad* which is a document stating his agreement for his account to be managed by the Board based on the concept of *wakalah*; and
- (c) all amount standing to the credit of the account of the member of the Fund shall start to be managed according to Shariah on the effective date of the election.

Procedure of election

5. (1) Any member of the Fund who intends to make the election shall present at any office of the Board or at any other place as may be determined by the Board to make the election.

(2) When making the election under subrule (1), the member of the Fund shall produce his identification document.

Revocation of election

6. (1) Subject to subsection 43A(4) of the Act, a member of the Fund who intends to revoke his election shall present at any office of the Board or at any other place as may be determined by the Board to make the revocation of the election.

(2) When making the revocation of election under subrule (1), the member of the Fund shall produce his identification document.

(3) The revocation of election under subrule (1) shall come into effect immediately after the revocation notice signed by the member of the Fund is accepted by the Board, without prejudice to the right of the member of the Fund to make a fresh election.

Investment under section 29A of the Act

7. (1) A member of the Fund whose election has come into effect and intends to make an investment under section 29A of the Act shall make the investment only in Shariah compliant investments according to the guidelines as determined by the Shariah Advisory Committee.

(2) An investment made by a member of the Fund under section 29A of the Act before the effective date of the election is not obligated to be switched to a Shariah compliant investment, or be liquidated or redeemed.

Dividend for late payment of contributions, etc.

8. (1) In the event of late payment of contributions by an employer in any financial year in respect of a Simpanan Shariah account, the dividend to be credited on the contributions shall be based on—

(a) the dividend declared by the Board under paragraph 27(1)(b) of the Act for the financial year where the contributions are in arrears; or

(b) where no dividend is declared by the Board under paragraph 27(1)(b) of the Act for the financial year the contributions are in arrears, any dividend declared by the Board for the financial year where the contributions are in arrears.

(2) In any event which leads to adjustment, reversal or refund of contributions in respect of a Simpanan Shariah account, the dividend to be credited on the contributions shall be based on—

- (a) the dividend declared by the Board under paragraph 27(1)(b) of the Act for each year during the period in which the adjustment or reversal of contributions is due to be made until the adjustment or reversal of contributions is made or for each year during the period in which the refund is due to be paid until the refund of the contributions is paid; or
- (b) where no dividend is declared by the Board under paragraph 27(1)(b) of the Act for any year during the period in which the adjustment or reversal of the contributions is made or the refund of the contributions is paid, any dividend declared by the Board for each year during the period in which the adjustment or reversal of the contributions is due to be made until the adjustment or reversal of contributions is made or for each year during the period in which the refund is due to be paid until the refund of the contributions is paid.

Amalgamation of accounts

9. (1) After an election under subsection 43A(1) of the Act has been made by a member of the Fund and it is discovered that the member of the Fund has more than one account with the Fund, all of his accounts shall be amalgamated.

(2) Where the amalgamation of accounts under subrule (1) is carried out—

- (a) prior to or on the effective date of the election, the amalgamated accounts shall become a Simpanan Shariah account on the effective date of the election; or
- (b) after the effective date of the election, the amalgamated accounts shall become a Simpanan Shariah account immediately after the amalgamation.

Shariah non-compliant income

10. Where the Shariah Advisory Committee determines that any income derived by the Board arising from any operation and investment transactions of the Simpanan Shariah accounts are Shariah non-compliant income due to certain reasons, such income shall be expended by the Board for the purposes as the Shariah Advisory Committee may advise.

Access to information and documents

11. (1) In discharging its functions under section 23B of the Act, the Shariah Advisory Committee shall have access to all information or documents required to carry out its duties and responsibilities under the Act.

(2) The Shariah Advisory Committee shall protect the confidentiality of such information or document and the purposes for which the information or document may be used.

Shariah compliance report

12. For the annual report of the Fund, any Shariah compliance report in relation to the management of the Simpanan Shariah account shall be verified and approved by Shariah Advisory Committee.

Made 28 July 2016

[KWSP/JUU/003/210 VOL. 4; KK/SID/(S)/9/419/379/23/1 Jld.38; PN(PU2)498/X]

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Chairman
Employees Provident Fund Board